

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

CHILLER TRUCK MEMBANTU MELANCARKAN PENGAGIHAN MAKANAN PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA

PUTRAJAYA, 12 SEPTEMBER 2019 – Penyerahan 14 unit *chiller truck* yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kepada Yayasan Food Bank Malaysia dan Pengarah KPDNHEP Negeri merupakan inisiatif susulan daripada Program Food Bank Malaysia.

Peruntukan berjumlah RM3 juta yang telah diluluskan oleh YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia bagi pelaksanaan Program Food Bank Malaysia adalah untuk penyediaan 14 unit lori yang dilengkapi pendingin (*chiller*) bagi tujuan pelaksanaan Program Food Bank Malaysia dalam mengagihkan bekalan makanan kepada golongan B40 termasuk senarai penerima di 20 universiti awam Malaysia.

Program *Food Bank* Malaysia adalah satu program yang diwujudkan untuk membantu meringankan kos sara hidup yang ditanggung oleh golongan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 di kawasan bandar atau berpendapatan di bawah RM1,000 di kawasan luar bandar. Kementerian ini telah melaksanakan program dengan melakukan *pilot project* pada Ogos 2018 di Pulau Pinang dan seterusnya dilaksanakan di beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Melaka, Johor, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Negeri Sembilan.

Perlaksanaan Program ini berjalan lancar dengan adanya sokongan penuh daripada empat NGO sebagai Rakan Strategik Utama iaitu Kechara Soup Kitchen, Food Aid Foundation, Mutiara Food Bank dan The Lost Food Project yang berperanan untuk mengumpul dan mengagihkan lebih makanan daripada penyumbang di seluruh negara untuk diagihkan kepada senarai penerima yang layak.

Program Food Bank Malaysia telah diperluaskan ke seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia, susulan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari 2019 dan dikenali sebagai Program Food Bank Siswa. Program ini bertujuan untuk menangani kos sara hidup yang dihadapi oleh mahasiswa yang kian meningkat di universiti.

Bagi yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut boleh menghubungi Sekretariat Food Bank Malaysia KPDNHEP seperti berikut:

Sekretariat Food Bank Malaysia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya

Tel : 03 88826887

Faks : 03 88825981 / 5941

Email : foodbankmalaysia@kpdnhep.gov.my